

64.8 peratus PKS di Sarawak hilang pendapatan semasa tempoh PKP

KUCHING: Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Datuk Dr Malcolm Mussen Lamoh memaklumkan sejumlah 64.8 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri ini telah kehilangan pendapatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, jumlah yang merangkumi usahawan mikro, peniaga kecil dan penjaja itu diperoleh setelah kementeriannya menjalankan tinjauan mengenai kesan pandemik COVID-19 terhadap PKS di Sarawak sepanjang tempoh PKP.

“Hasil tinjauan ini disokong oleh penemuan serupa daripada **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** yang melaporkan 67.8 peratus daripada semua perniagaan di Malaysia (termasuk PKS) tidak mencatat sebarang pendapatan dalam tempoh yang sama.

“Malah, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga telah melaporkan sejumlah 3,641 syarikat di Sarawak telah gulung tikar (mahkamah dan petisyen penggulungan sukarela) untuk tempoh antara 2020 hingga 2022,” katanya ketika menjawab soalan Safiee Ahmad (GPS-Daro) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Safiee bertanyakan mengenai jumlah usahawan di Sarawak yang terpaksa gulung tikar mengikut jenis perniagaan sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

Ditanya apakah usaha kerajaan dalam membantu usahawan tempatan untuk pulih semula dalam perniagaan, Malcolm berkata, kerajaan persekutuan dan Kerajaan Sarawak telah menyediakan pelbagai bantuan.

“Di peringkat persekutuan, terdapat Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dilaksanakan.

“Sementara Kerajaan Sarawak pula telah melaksanakan Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS 1.0-9.0) berjumlah RM6.7 bilion,” katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2022/11/22/648-peratus-pks-di-sarawak-hilang-pendapatan-semasa-tempoh-pkp>